

Tetapi bagaimana mungkin Rasulullah (s) menggunakan satu istilah yang bersifat pecah-belah?

Adakah Nabi Ibrahim seorang yang memecah-belah? Bagaimana dengan Nabi Noh dan Nabi Musa? Sekiranya Shi'ah merupakan satu istilah yang bersifat sektari atau pecah belah, sudah tentu Allah tidak akan menggunakan istilah ini untuk Nabi-nabiNya dan Nabi Muhammad (s) tentu tidak akan memuji mereka.

Perlu diingatkan bahawa Rasulullah (s) tidak pernah ingin untuk memecah-belahkan kaum Muslimin kepada kumpulan. Baginda memerintahkan semuanya untuk mengikut Imam Ali (a) sebagai wakilnya pada masa hayatnya, dan sebagai Pewaris dan Khalifah selepasnya. Malangnya mereka yang mengikut suruhan Rasulullah ini hanya sedikit dan dikenali sebagai "Shi'ah Ali". Mereka dikenakan pelbagai bentuk penindasan dan kezaliman, dan menderita dari hari si Rahmat kepada seluruh alam, Nabi Muhammad (s), wafat. Sekiranya semua kaum muslimin patuh kepada suruhan Rasulullah, sudah pasti tidak akan wujud banyak kumpulan dan pelbagai mazhab selepas kewafatannya didalam Islam. Didalam sebuah hadis Rasulullah (s) bersabda:

"Selepas dariku pecah-belah dan kekacauan akan muncul dikalangan kamu, apabila situasi ini berlaku, pergi mencari Ali kerana beliau boleh memisahkan kebenaran dari kepalsuan"

□ Ali Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal*, (Multan) jilid. 2 ms. 612, nombor 32964

Mengenai ayat Qur'an diatas, beberapa ulama Ahlussunah meriwayatkan sebuah hadis daripada Imam Ja'far al-Sadiq (a), Imam ke-enam Shi'ah daripada keluarga Rasulullah (*Ahl al-Bayt*), bahawa:

"Kamilah tali Allah yang dimaksudkan oleh firman Allah : *Dan berpegang teguhlah, kamu semuanya, kepada tali Allah dan janganlah kamu bercerai-berai*

□ al-Tha'labi, *Tafsir al-Kabir*, pada tafsir surah Ali-Imran ayat 103

□ Ibn Hajar al-Haythami, *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, (Cairo) Bab. 11, bahagian 1, ms. 233

Oleh itu, sekiranya Allah menentang mereka yang ta'sub Beliau juga menentang mereka yang mengasingkan diri daripada tali Nya, dan bukannya kepada mereka yang berpegang teguh kepadanya!

Kesimpulan:

Kami telah menunjukkan bahawa istilah Shi'ah telah digunakan didalam al-Qur'an untuk pengikut-pengikut hamba-hamba Allah yang mulia, dan didalam hadith sebagai pengikut Imam Ali (a). Seseorang yang mengikut seorang pemimpin yang telah dilantik oleh Allah adalah selamat daripada sebarang salah-faham didalam agama dan telah berpegang kepada tali Allah yang kukuh dan diberi khabar gembira daripada syurga.

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut, sila kunjungi:

<http://al-islam.org/faq/>

*Dan berpegang teguhlah, kamu semuanya, kepada tali Allah
dan janganlah kamu bercerai-berai
(Ali-Imran:103)*

Apakah maksud Shi'ah?

Perkataan "Shi'ah" adalah kata... yang digunakan oleh kaum muslimin untuk menunjukkan kepada mereka yang mengikut Imam-imam daripada keluarga Rasulullah (*Ahl al-Bayt*).

Mereka menggunakannya bukan dengan tujuan untuk memecahbelahkan umat Islam. Mereka menggunakannya kerana al-Qur'an menggunakannya, Rasulullah menggunakannya, dan umat Islam pada zaman awal Islam juga menggunakannya – sebelum munculnya perkataan *ahlussunnah* atau *Salafi*.

Istilah Shi'ah didalam al-Qur'an

Perkataan "Shi'ah" memberi makna "pengikut; ahli bagi satu golongan". Allah menyebut dalam Al-Qur'an bagaimana beberapa daripada hambanya yang solih merupakan Shi'ah bagi pengikutnya yang lain.

*Dan sesungguhnya Ibrahim adalah tergolong dari Shi'ahnya(Noh)
(As-Saaffaat:83)*

*Dan dia (Musa) pergi ke bandar pada ketika orang-orangnya (bandar itu) tidak melihat, ia menjumpai didalamnya dua lelaki sedang bertengkar, seorang merupakan Shi'ahnya dan seorang lagi merupakan musuhnya, orang yang merupakan Shi'ahnya berteriak kepadanya memohon pertolongan untuk menghadapi musuhnya itu
(Al-Qasas:15)*

Shi'ah seperti yang ditunjukkan diatas adalah perkataan resmi yang digunakan oleh Allah didalam al-Qur'an untuk RasulNya yang tinggi martabat dan pengikut mereka.

Sekiranya seseorang itu merupakan Shi'ah (pengikut) hamba yang solih, oleh itu tidak salah untuk menjadi Shi'ah. Sebaliknya, jika seseorang itu Shi'ah kepada pemerintah zalim atau orang yang melakukan kejahatan, dia itu akan mendapat nasib yang sama dengan ketuanya (yang diikuti). Al-Qur'an menunjukkan pada Hari Kebangkitan bagaimana manusia akan datang dalam kumpulan, dan setiap kumpulan atau golongan akan mempunyai ketuanya (*Imam*) dihadapannya. Allah berfirman:

*(Ingatlah) pada Hari dimana Kami akan memanggil setiap orang dengan Imamnya
(Al-Israa':71)*

Pada Hari Pembalasan, nasib "pengikut" setiap kumpulan bergantung kepada Imam mereka (dengan syarat mereka mengikut Imam mereka dengan bersungguh-sungguh). Allah menjelaskan didalam al-Qur'an bahawa ada dua jenis Imam:

Dan Kami jadikan mereka Imam yang memanggil kepada api, dan pada Hari Kebangkitan mereka tidak akan ditolong. Dan Kami iringi mereka dengan la'nat di dunia ini, dan pada Hari Kebangkitan mereka akan disingkirkan dengan sehinahinanya..

(Al-Qasas:41-42)

Al-Qur'an juga mengingatkan bahawa adanya Imam yang dilantik oleh Allah sebagai pemberi petunjuk untuk sekalian manusia:

*Dan Kami jadikan dikalangan mereka Imam-imam untuk memberi petunjuk melalui perintah Kami apabila mereka sabar, dan yakin kepada ayat-ayat keterangan Kami.
(Al-Sajdah:24)*

Sesungguhnya, pengikut-pengikut (Shi'ah) benar Imam-imam ini akan meraih kejayaan pada Hari Kebangkitan.

Istilah Shi'ah didalam Hadith

Sepanjang sejarah Islam, "Shi'ah" telah digunakan untuk menunjukkan kepada pengikut Imam 'Ali (a.s). Ia bukanlah merupakan satu istilah yang dicipta kemudian! Orang pertama yang menggunakan istilah ini adalah Rasulullah sendiri. Apabila ayat ini diturunkan:

*(Bagi) mereka yang beriman dan melakukan amal solih, sesungguhnya merekalah makhluk terbaik
(Qur'an 98:7)*

Rasulullah (s) bersabda kepada Ali: "**Ia adalah untuk kamu dan Shi'ahmu.**"

Baginda menambah: "**Aku bersumpah dengan Dia yang memegang nyawaku bahawa lelaki ini (Ali) dan Shi'ahnya akan mendapat kejayaan pada Hari Kebangkitan.**"

- ❑ Jalal al-Din al-Suyuti, *Tafsir al-Durr al-Mantfur*, (Cairo) vol. 6, p. 379
- ❑ Ibn Jarir al-Tabari, *Tafsir Jami' al-Bayan*, (Cairo) vol. 33, p. 146
- ❑ Ibn Asakir, *Ta'rikh Dimashq*, vol. 42, p. 333, p. 371
- ❑ Ibn Hajar al-Haythami, *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, (Cairo) Ch. 11, section 1, pp 246-247

Rasulullah (s) bersabda: "**Ya Ali! (Pada Hari Pembalasan) kamu dan Shi'ahmu akan datang menghadap Allah disukai dan menyukai**, dan akan datang kepadaNya musuh-musuhmu dalam keadaan marah dan leher kaku (kepala mereka dipaksa tegak).

- ❑ Ibn al-'Athir, *al-Nihaya fi gharib al-hadith*, (Beirut, 1399), vol. 4 p. 106
- ❑ al-Tabarani, *Mu'jam al-Kabir*, vol 1 p 319
- ❑ al-Haythami, *Majma' al-Zawa'id*, vol. 9, number 14168

Rasulullah (s) bersabda : "**Khabar gembira wahai Ali! Sesungguhnya Kamu dan Shi'ahmu akan berada didalam syurga.**"

- ❑ Ahmad Ibn Hanbal, *Fadha'il al-Sahaba*, (Beirut) jilid. 2, ms. 655
- ❑ Abu Nu'aym al-Isbahani, *Hilyatul Awliya*, jilid. 4, ms. 329
- ❑ al-Khatib al-Baghdadi, *Tarikh Baghdad*, (Beirut) jilid. 12, ms. 289
- ❑ al-Tabarani, *Mu'jam al-Kabir*, jilid. 1, ms. 319
- ❑ al-Haythami, *Majma' al-Zawa'id*, jilid. 10, ms. 21-22
- ❑ Ibn 'Asakir, *Ta'rikh Dimashq*, jilid. 42, ms. 331-332
- ❑ Ibn Hajar al-Haythami, *al-Sawa'iq al-Muhriqah*, (Cairo) Bab. 11, Bahagian 1, ms. 247